

Aktiviti 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Manusia telah tahu (1) _____ makanan sejak zaman dahulu lagi. Sebelum adanya teknologi (2) _____, manusia mengawet makanan secara (3) _____, iaitu dengan cara (4) _____ dengan asap, menjeruk, (5) _____ makanan di tengah panas dan memasinkan makanan.

menyalai

tradisional

mengeringkan

moden

mengawet

Pengawetan dengan (6) _____ tradisional ini adalah untuk (7) _____ kelembapan pada makanan. Kehilangan kelembapan pada makanan akan (8) _____ atau melambatkan pertumbuhan (9) _____. Oleh itu, makanan akan lambat (10) _____ dan boleh disimpan lama.

mikroorganisma

kaedah

rosak

membantutkan

menyingkirkan

Pada zaman moden ini, terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengawet (11) _____. Peti (12) _____ yang terdapat di rumah juga digunakan untuk (13) _____ makanan dengan lebih lama. Makanan yang (14) _____ atau dibekukan juga akan lambat rosak kerana mikroorganisma kurang (15) _____ dalam suhu yang rendah.

didinginkan

menyimpan

aktif

makanan

sejuk